

MAJLIS HARI RAYA SKLM 2022

BIL	PERKARA	TEKS
1	Kata-kata aluan	Mencari timba si anak dara, Di bawah sarang burung tempua; Salam sembah pembuka bicara, Selamat datang untuk semua. Bismillahirrahmanirrahim, Yang berusaha, Encik Azizul Azihan Bin Mahmud, Guru Besar SK Ladang Mutiara Yang Dihormati, barisan penolong kanan, guru-guru, para tetamu jemputan dan seterusnya murid-murid yang dikasihi sekalian. ASSALAMUALAIKUM WTB dan SALAM SEJAHTERA. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya kita masih diberikan kesempatan untuk menghirup udara Syawal. Syukur juga kerana kita sama-sama dapat berkumpul lagi pada hari ini untuk meraikan majlis Sambutan hari raya Aidilfitri peringkat sekolah bagi tahun 2022.
2	Bacaan doa	Hadirin yang dihormati, Bagi menjunjung keberkatan majlis, majlis dengan penuh takzimnya mempersilakan al fadhil Ustaz Abdul Muiz Bin Mohd Norizan untuk memimpin bacaan doa. Majlis dengan segala hormatnya mempersilakan, (.....BACAAN DOA.....) Amin amin ya rabbal ‘alamin majlis merakamkan ucapan terima kasih kepada al fadhil Ustaz Abdul Muiz Bin Mohd Norizan atas bacaan doa itu tadi.

3.	Marhaban	Para muslimin dan muslimat, Bagi meneruskan majlis, dengan ini dipersilakan al fadhil Ustaz Abdul Muiz Bin Mohd Norizan untuk mengetuai alunan marhaban Untuk itu, diminta para hadirin agar dapat berselawat bersama-sama. Dipersilakan. Terima kasih diucapkan kepada al fadhil Ustaz Abdul Muiz Bin Mohd Norizan atas alunan marhaban itu tadi.
4.	Ucapan Guru Besar	Hadirin hadirat , para pelajar yang dikasihi sekalian, Lemang dihidang enak rasanya Nasi arab pilihan kita Bingkisan kata bingkisan raya Tuan Guru Besar bermadah kata Majlis dengan penuh hormat dan sukacitanya mempersilakan yang berusaha, Encik Azizul Azihan Bin Mahmud, Guru Besar SK Ladang Mutiara untuk memberi ucapan alu-aluan. \ Dipersilakan. (.....UCAPAN.....) Terima kasih diucapkan atas ucapan alu-aluan sebentar tadi.
5.	Persembahan	Hadirin yang dihormati, Marilah kita sama-sama menghayati persembahan oleh murid-murid Tahun 4 SK Ladang Mutiara. Dipersilakan. (.....PERSEMBAHAN.....) Demikian tadi berakhirnya persembahan daripada murid-murid Tahun 4. Terima kasih sekalung budi diucapkan kepada semua murid-murid yang menjayakan persembahan itu tadi.

6.	Pertandingan busana murid	Sekarang tibalah masa yang ditunggu-tunggukan. Kita akan teruskan majlis dengan acara seterusnya iaitu pertandingan busana raya oleh murid-murid yang comel bergaya pada hari ini. Mungkin murid-murid semua sudah tidak sabar untuk menonjolkan bakat model terpendam. Sama-sama kita saksikan pertandingan pakaian hari raya oleh murid-murid SK Ladang Mutiara. Dipersilakan peserta-peserta busana raya kategori murid perempuan pada hari ini. Peserta busana naik ke pentas..... Dipersilakan peserta-peserta busana raya kategori murid lelaki pada hari ini. Peserta busana naik ke pentas..... Demikianlah tadi berakhirnya pertandingan busana raya oleh murid-murid SK Ladang Mutiara. Macam mana? Cantik-cantik tak semuanya? Handsome-handsome tak semuanya? Siapa yaa yang akan menang ni” Baiklah, kalau nak tahu siapa yang menang, jom kita teruskan dahulu dengan pertandingan yang seterusnya.
7.	Pertandingan karaoke raya	Kita akan teruskan dengan pertandingan yang seterusnya iaitu karaoke kategori murid. Oleh itu, saya mempersilakan peserta yang pertama Peserta karaoke naik ke pentas..... Wahh sungguh berbakat anak-anak murid kita ya. Jika diasah lagi bakat itu, mungkin boleh menang Anugerah juara Lagu.

8.	Persembahan karaoke terbuka guru	Baiklah murid-murid, sementara menunggu keputusan para juri untuk menilai pemenang bagi pertandingan busana dan karaoke, marilah sama-sama kita menyaksikan dan mendengar alunan suara merdu dan lunak oleh guru-guru. Dengan itu, majlis dengan sukacitanya menjemput mana-mana guru yang ingin membuat persembahan. (.....PERSEMBAHAN.....) Terima kasih diucapkan kepada guru-guru yang telah membuat persembahan. Sungguh lunak dan merdu suara sehingga terbuai warga dewan.
9.	Penyampaian Hadiah	Hadirin sekalian, Majlis diteruskan lagi dengan penyampaian hadiah kepada murid-murid yang memenangi pertandingan 1. Busana Raya murid lelaki 2. Busana Raya murid perempuan 3. Karaoke tahap 1 4. Karaoke tahap 2 Sebelum itu, majlis dengan hormatnya menjemput _____ _____ untuk menyampaikan hadiah kepada pemenang. Dipersilakan. Bagi kategori pertandingan Busana Raya murid lelaki. Dijemput pemenang: Tempat ke-3 _____ Tempat ke-2 _____ Tempat pertama _____

	Seterusnya, bagi kategori pertandingan Busana Raya murid Perempuan. Dijemput pemenang: Tempat ke-3 _____ Tempat ke-2 _____ Tempat pertama _____ Seterusnya, bagi kategori pertandingan karaoke tahap 2. Dijemput pemenang: Tempat ke-3 _____ Tempat ke-2 _____ Tempat pertama _____ Akhir sekali, bagi kategori pertandingan karaoke tahap 1. Dijemput pemenang: Tempat ke-3 _____ Tempat ke-2 _____ Tempat pertama _____ Terima kasih diucapkan kepada _____ atas kesudian menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan karaoke dan busana raya.
--	---

10.	Cenderahati karaoke guru	Majlis diteruskan lagi dengan penyampaian cenderamata penghargaan kepada guru-guru yang telah membuat persembahan. Dengan ini, majlis menjemput _____ _____ untuk menyampaikan cenderamata. Dipersilakan Dijemput: 1. 2. 3. 4. 5. 6. Terima kasih diucapkan kepada _____ _____ atas kesudian menyampaikan cenderamata penghargaan kepada guru-guru yang telah membuat persembahan.
11.	Jamuan	Ketupat lemak nasi impit dan laksa Mi kuah dan Bihun sup tidak dilupa Kek dan biskut tersedia di meja Tunggu apa lagi jom kita menjamu selera Dipersilakan hadirin hadirat dan semua yang hadir untuk menikmati juadah yang telah sedia dihidangkan Dipersilakan.

12.	Penutup	Majlis kita sudah sampai ke penghujungnya. Pihak majlis mohon mengambil kesempatan waktu di penghujung ini untuk mengucapkan ribuan kalungan bunga terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam memastikan majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat sekolah ini dapat dilangsung dengan meriahnya. Terima kasih juga diucapkan kepada semua murid-murid atas kerjasama yang diberikan bagi mengharmonikan majlis ini. Sekian, Wassalamualakum wbt.dan Selamat hari raya Aidilfitri, Maaf Zahir Batin.
-----	---------	--